

## 24 DALAM NEGERI

# 50,000 dijangka kunjungi Mini Agro Johor Muar

**MUAR 28 Mac** - Lebih 50,000 pengunjung dijangka memeriahkan Mini Agro Johor Muar dan Karnival Persiaran Maharani sempena Hari Keputeraan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar pada Jumaat dan Sabtu ini.

Pegawai Daerah Muar, Ramlee A. Rahman berkata, orang ramai berpeluang menyaksikan pelbagai aktiviti menarik selain mendapatkan barangan berasaskan pertanian di 60 gerai jualan yang disediakan.

Menurutnya, sebanyak 21 ruang pameran agensi kerajaan seperti Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perikanan, Jabatan Pertanian, Felda, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil

Perusahaan Getah (RISDA) turut mengambil bahagian.

"Semua pameran agensi kerajaan dan majlis perasmian pada pukul 10 pagi, Jumaat ini akan diadakan di pekarangan Hentian Bas Maharani manakala gerai-gerai jualan didirikan di sepanjang hentian itu sehingga ke Bangunan Mara, di sini.

"Kita mahu membantu golongan usahawan memasarkan produk mereka sempena karnival ini kerana pelbagai lapisan masyarakat dijangka hadir sepanjang program itu berlangsung," katanya dalam sidang akhbar hari ini.

Yang turut hadir Pengarah Perkhidmatan Veterinar negeri, Dr. Aida Muhid; Pengarah Pertanian negeri, Ahmad Kamil Mohd. Yunus dan Pengarah LPNM Wilayah Sela-

tan, Norazman Mohd. Yusof.

Dalam pada itu, Ramlee berkata, beberapa artis 80-an daripada Yayasan Artis Veteran akan membuat persembahan pada malam Karnival Jambatan Sultan Ismail Kelima yang turut diadakan sempena Mini Agro Johor Muar.

"Antara artis yang akan menghiburkan orang ramai ialah Ibnu Riza, Hail Amir, S. Mariam dan Raftah Bachik yang akan beraksi di pentas khas yang dibina di Dataran Nyiru (Menara Jam) pada hari kedua karnival," katanya.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan orang ramai supaya mematuhi peraturan lalu lintas yang ditetapkan terutamanya ekoran penutupan Persiaran Maharani yang menjadi lokasi utama program tersebut.



**RAMLEE A. RAHMAN** (kiri) dalam sidang akhbar mempromosi Mini Agro Johor Muar dan Karnival Persiaran Maharani di Pejabat Daerah Muar, Johor, semalam.